

*HANTU BELUBUK  
DAN  
POKOK RU*

**Penyusun**

*Abdul Rasid Haji Subet*

*Mohamad Shafiq Rohaizad Buyong*

Dewan Bahasa dan Pustaka  
Cawangan Sarawak  
2014

## KANDUNGAN

<i>Prakata</i>	vii
<i>Pendahuluan</i>	x
Burung	1
<i>Ramli Hasan</i>	
<i>Etnik: Melayu Sarawak</i>	
Hantu Belubuk Dan Pokok Ru	13
<i>Ahmad Zaidi Nordin</i>	
<i>Etnik: Melayu/Iban</i>	
Asal Usul Hantu Bajang	22
<i>Hajah Bibi Sabariah Haji Abang Awet</i>	
<i>Etnik: Melayu Sarawak</i>	
Hantu Tinggi	32
<i>Dayang Zarith Marqouni Abang Adeni</i>	
<i>Etnik: Melanau</i>	

Hantu Bangkit Sungai Bedil	37
<i>Abang Patdeli Abang Muhi</i>	
<i>Etnik: Melayu Sarawak</i>	
Roh Tengkorak	49
<i>Batik Bidin</i>	
<i>Etnik: Iban</i>	
Burung Keranda	62
<i>Dahiri Saini</i>	
<i>Etnik: Melayu Sarawak</i>	
Dureg	73
<i>Haji Jali Haji Kenoi</i>	
<i>Etnik: Melanau Liko Dalat</i>	
Mitos Kugan Dan Kisak	90
<i>Benjamin Asin</i>	
<i>Etnik: Bidayuh Bau Jagoi</i>	
Diganggu Pontianak	101
<i>Clayton Robert</i>	
<i>Etnik: Bidayuh</i>	
Hijab Memandai Mati dan Memadai Hidup	107
<i>Marylin Kumbau Empaok</i>	
<i>Etnik: Iban</i>	

Bagaimana Long Tapeh Mendapat Nama	122
<i>David Belulok</i>	
<i>Etnik: Lakiput</i>	
Sape Hantu	132
<i>Jaya Ramba</i>	
<i>Etnik: Iban</i>	
Hantu Jin Tanah	142
<i>Zackius Amen</i>	
<i>Etnik: Bidayuh</i>	
Jembalang Salai	152
<i>Henry Ngadit Sawing</i>	
<i>Etnik: Iban</i>	
Si Pungut	182
<i>Sukri Abdullah @ Aprit Mayok</i>	
<i>Etnik: Bisaya</i>	
Dang Bunsu Dan Pelundau	193
<i>Sukri Abdullah @ Aprit Mayok</i>	
<i>Etnik: Bisaya</i>	
Hantu Kelala Danau Embang	207
<i>Ahmad Sabu</i>	
<i>Etnik: Melayu Sarawak</i>	

Batu Menangis	213
<i>Gloria Bangie Bandar</i>	
<i>Etnik: Iban</i>	
Antu Kelalo	218
<i>Ramli Hasan</i>	
<i>Etnik: Melayu Sarawak</i>	
Dendam Hantu Koklir	228
<i>Abdul Rahman Abong</i>	
<i>Etnik: Melayu Sarawak</i>	
Hantu Kayong	236
<i>Ahmad Rusmainey Borhan</i>	
<i>Etnik: Melanau</i>	
Bedekah	244
<i>Radzeman Bolhassan</i>	
<i>Etnik: Melanau</i>	
Hantu Kayong @ Bangkit	251
<i>Radzeman Bolhassan</i>	
<i>Etnik: Melanau</i>	
Sumpahan Hantu Burung Tengong	258
<i>Ahmad Zaidi Nordin</i>	
<i>Etnik: Iban</i>	

Orang Bunian Daerah Saribas	267
<i>Hajah Bibi Sabariah Haji Abang Awet</i>	
<i>Etnik: Melayu Sarawak</i>	
Kulek Buet Dan Kulek Daruk	275
<i>Litat Bilung</i>	
<i>Etnik: Orang Ulu Suku Kenyah</i>	
Pendamping	287
<i>Badang Galayan</i>	
<i>Etnik: Iban</i>	
Cerita Hantu Gergasi	293
<i>Abdul Rahman Abong</i>	
<i>Etnik :Melayu Sarawak</i>	

## PRAKATA

Dengan Nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin-Nya, Antologi Siri 5, Peraduan Penulisan Semula Cerita Rakyat Sarawak bertajuk “*Hantu Belubuk dan Pokok Ru*” berjaya diselenggarakan dan diterbitkan. Buku ini menghimpunkan sebanyak 29 buah cerita rakyat peribumi Sarawak kategori cerita hantu hasil (PPSCRS) pada tahun 2012.

PPSCRS dianjurkan setiap tahun oleh Unit Penyelidikan Sastera untuk memperoleh bahan sastera rakyat dalam bentuk bertulis bagi tujuan pendokumentasian.

Di samping itu juga, PPSCRS dapat memupuk minat serta penghayatan orang ramai terhadap warisan sastera rakyat yang terdapat dalam pelbagai suku kaum dan budaya di negeri ini.

Selaku penyelenggara, kami berharap agar penerbitan buku ini dapat menjadi satu wadah kepada para sarjana dan pengkaji tempatan bertukar-tukar maklumat serta pandangan dalam menilai dan mengkaji kekayaan hasil karya kesusasteraan tradisional Sarawak. Penerbitan buku ini juga diharapkan akan mencipta ruang kepada karyawan Sarawak dalam membincangkan dengan lebih mendalam serta menilai kembali tentang iklim penulisan kreatif dan bukan kreatif di Sarawak.

Dalam usaha merealisasikan penerbitan buku ini, kami telah banyak menerima bantuan daripada pelbagai pihak. Sejangkak penghargaan dan terima kasih kami ucapkan kepada Pengarah DBP Cawangan Sarawak **Dr. Hazami bin Jahari**, yang telah memberi galakan, sumbang saran dan sokongan sehingga terbitnya buku ini. Ribuan penghargaan juga kami kalungkan kepada semua informan dan para peserta peraduan yang tidak jemu-jemu membantu dalam menyumbangkan bahan sastera rakyat yang tidak ternilai ini. Begitu juga kepada pegawai-pegawai DBP Cawangan Sarawak yang turut terlibat secara langsung dalam menangani proses penerbitan buku ini, khususnya **Encik Jonathan Singki Lintan, Tuan Haji Santrol Abdullah, Cik Stephanie Lenya Chaong, Puan Hajijah Haji binti Mainol, Puan Fatimah binti Razali, dan Puan Sahilla binti Sokimi**, terima kasih atas sumbangan yang diberikan. Semoga usaha kita ini akan memberi manfaat kepada masyarakat dalam memartabatkan kesusasteraan kebangsaan.



Salam hormat.

**Abdul Rasid bin Haji Subet**

**Mohammad Shafiq Rohaizad bin Buyong**

## PENDAHULUAN

### HANTU DALAM MASYARAKAT TEMPATAN

*Shirin Idris*

**H**antu merupakan kepercayaan mengenai makhluk halus yang sudah sedia wujud di dalam kerangka masyarakat kita hari ini. Kepercayaan mengenai hantu sebenarnya terdapat dalam semua kebudayaan di dunia. Dalam masyarakat Melayu khususnya, hantu dikenali pelbagai nama. Contohnya, semangat, jembalang atau penunggu. Ditambahkan lagi, pokok atau batu besar yang dianggap berpenunggu dan perlu dijaga dengan baik agar jin yang menjadi penunggu tersebut tidak mengamuk dan membahayakan penduduk sekitar. Malah, jamuan makanan atau ‘ancak’ disediakan oleh seseorang yang berpengalaman yang dikenali sebagai pawang bagi memastikan penunggu tersebut membantu penduduk daripada serangan wabak penyakit atau melindungi tanaman seperti padi daripada

serangan musuh.

Imej hantu telah wujud di dalam minda masyarakat sebagai satu penjelasan mengenai perkara-perkara ghaib atau sesuatu tidak diketahui. Contohnya, mengapa seseorang itu dianggap sakit walaupun kelihatan sihat? Pokok besar dianggap berpenunggu? Rumah kerap ditinggalkan oleh penghuninya? Kawasan kubur dianggap keramat? Dan mayat seseorang itu dikatakan berbadi?

Ditambahkan lagi, tidak semua anggota sesebuah masyarakat yang mempercayai kewujudan hantu. Ada beranggapan kewujudan makhluk halus atau hantu hanyalah sebagai elemen untuk menakut-nakutkan anak-anak agar tidak keluar daripada rumah pada waktu malam ataupun di waktu senja. Malah, ada juga yang mereka-reka cerita hantu dengan tujuan sebagai bahan hiburan pada waktu malam. Dipercayai juga hantu akan menjalankan aktivitinya pada waktu malam khususnya pada bulan mengambang.

Hantu juga sering digambarkan dengan matanya berwarna merah, muka yang hodoh, rambut yang panjang, gigi yang tajam, sering mengeluarkan bunyi yang menakutkan dan sebagainya. Inilah gambaran umum masyarakat terhadap hantu atau makhluk halus. Kita juga tidak terkecuali sering mendengar cerita-cerita penampakkan hantu di kawasan yang dipercayai berpenunggu. Ditambahkan lagi, terdapat pelbagai jenis hantu yang biasanya menjadi belaan pawang-pawang mahupun pengamal ilmu hitam. Hantu Hambulung misalnya, merupakan hantu yang bisanya menjadi belaan para pengamal ilmu hitam dengan tujuan untuk memudaratkan musuh. Hantu Hambulung dihasilkan dengan meletakan darah orang mati dibunuh ke dalam botol. Botol tersebut kemudiannya akan dipuja dan dibacakan dijampi serapah dalam tempoh masa tertentu. Pemuja perlu menghiris sedikit

jarinya sehingga berdarah dan memasukan ke dalam botol. Darah ini sebagai bahan makanan untuk hantu tersebut. Hantu Hambulung akan terikat kepada tuannya dan sanggup melakukan apa sahaja tugas yang disuruh oleh tuannya. Hantu hambulung biasanya akan disimpan di dalam botol dan dikeluarkan apabila perlu. Mangsa Hantu Hambulung biasanya boleh dikenal pasti dengan lebam pada mayat dan darah keluar melalui mulut.

Selain hantu Hantu Hambulung, Hantu Balan-balan merupakan makhluk halus yang amat ditakuti. Hantu ini biasanya dipelihara oleh wanita yang menuntut ilmu hitam bagi sesuatu kepentingan. Hantu ini mampu menceraikan kepala dengan badanya dan terbang dengan tali perut yang terurai. Darah yang menitis dipercayai amat berbisa dan menyebabkan kudis kepada mereka yang terkena. Mereka yang menuntut ilmu ini biasanya akan menyimpan setajau atau bertempayan cuka bagi memeram urat perut mereka agar kecut sebelum bercantum masuk kembali ke dalam badan asal mereka. Dipercayai juga, sekiranya tubuh mereka akan bercantum secara terbalik. Dengan itu, rahsia mereka akan terbongkar. Hantu Balan-balan dipercayai suka darah perempuan yang bersalin. Sekiranya darah itu dihisap oleh hantu Balan-balan, perempuan yang bersalin itu akan mati akibat tumpah darah. Oleh itu, biasanya di sekeliling rumah wanita yang bersalin hendaklah diletakkan sejenis daun yang berduri. Dipercayai hantu Balan-balan takut mendekati rumah tersebut kerana bimbang tali perutnya akan tersangkut. Ketika Hantu Balan-balan terbang, ia dipercayai berupa cahaya putih berkilau.

Selain itu, Hantu Melahia merupakan sejenis hantu yang dibela untuk menjadi penunggu sesebuah rumah. Tuan rumah membela hantu ini agar rumahnya tidak dipecah masuk orang lain yang mempunyai niat jahat terhadap

tuan rumah. Hantu Melahia akan mengganggu mangsanya apabila tidak memberi salam ketika menaiki rumah semasa ketiadaan tuanya. Hantu ini juga akan mengganggu jika diusik.

Manakala, Hantu Bengkawat merupakan sejenis makhluk halus yang terdapat di dalam kawasan yang berair. Makhluk ini dianggap keras dan mampu membahayakan mereka yang bertembung dengannya. Kebiasaannya, ia dikatakan terapung-apung seperti batang kayu buruk, tetapi mampu melumpuhkan mereka yang tersentuh dengannya. Selain itu, ia juga dikatakan mampu menjelma untuk mengusik mereka yang berada di pinggir air. Dipercayai bahawa hantu Bengkawat berasal daripada ilmu hitam dan makhluk halus yang dibuang, dihanyutkan melalui sungai yang mengalir ke laut dengan menggunakan kaedah 'ancak'. Dikatakan air laut yang berkilau dikatakan menunjukkan kehadirannya. Bagi mengelakkan gangguan, para nelayan akan mengadakan satu upacara yang dikenali sebagai makan tahun atau semah laut akan diadakan pada setiap tahun. Upacara ini juga dikenali sebagai puja pantai yang diadakan hanya sekali dalam setahun.

Hantu Tinggi merupakan sejenis hantu yang mempunyai struktur manusia tetapi Hantu Tinggi adalah jauh lebih besar dan tinggi dan kepalanya boleh mencapai ketinggian awan. Oleh sebab itu, ia sering kali ditemui jauh di dalam hutan dan biasanya hanya yang kelihatan, mereka yang diusiknya dikatakan sering menyangka sahaja sebagai batang pokok. Kakinya berbulu panjang dan hanya mangsanya sahaja yang akan terserempak dengannya pada waktu malam apabila sering bersandar atau memegang kakinya atau ketika melalui celah kangkangnya. Menurut kepercayaan, dengan mencabut bulu betisnya, manusia boleh mendapat pertolongan daripada hantu Hantu Tinggi

tersebut dengan membakar bulu betisnya yang dicabut itu.

Hantu Sing-sut merupakan hantu yang amat ditakuti, khususnya masyarakat Kendayan. Ia berikutan seorang masyarakat Kedayan yang pernah terserempak dengan makhluk halus ini. Menurutnya, hantu Sing-sut ini tidak mempunyai kaki dan bergerak secara mengengsot. Hantu ini terdapat di kawasan hutan atau semak-samun. Hantu ini mempunyai rupa yang teramat buruk dan mempunyai bau yang sangat busuk. Setiap hantu Sing-sut menjelmakan dirinya, ia kan bersiul yang berbunyi Sing-siut hantu ini mengengsot dengan pantas. Menurut kepercayaan masyarakat Kedayan, semasa turunnya hujan, hantu Sin-sut menjelma seperti perempuan cantik.

Hantu Kokler merupakan sejenis makhluk halus yang boleh berubah bentuk rupanya mengikut keadaan sekeliling. Hantu Kokler boleh bertukar rupa menjadi empat puluh empat kejadian. Ia boleh menyerupai sama ada haiwan atau manusia. Ia juga biasanya mendiami kawasan hutan yang berair. Hantu ini akan mengeluarkan bunyi seperti “Kok-kok-lerr!” untuk menunjukkan kehadirannya. Jika bunyinya kedengaran berhampiran dengan kita, ia dipercayai berada jauh daripada kita. Akan tetapi, jika bunyinya jauh daripada pendengaran kita bermaksud hantu Kokler tersebut ada di sekitar kita.

Hantu Galap merupakan sejenis makhluk halus yang biasanya mendiami kawasan sungai atau laut. Hantu Galap amat berbahaya jika bertembung dengannya. Ia dikatakan menjelma sebagai puting beliung yang mampu menelan mangsanya dan jarang sekali akan menamui mangsa kembali. Ia kerana mangsa boleh mati dan mayatnya jarang sekali akan ditemui oleh keluarga mangsa. Hantu Galap tidak menunjukkan sebarang keadaan untuk mengetahui

kehadirannya. Biasanya hantu Galap akan menyerang mangsa dengan mengejut.

Hantu Indahau pula salah satu makhluk yang boleh berubah paras rupa yang seakan-akan menyerupai manusia. Selain diberi gelaran indahau, ada juga yang menggelarkan hantu indahau sebagai 'kelindahau' atau 'Klindahau'. Menurut cerita hantu Indahau, ada yang mengatakan Indahau mempunyai paras rupa yang hitam. Akan tetapi susah untuk mempercayai kesahihan ciri-cirinya kerana ada yang menyatakan Indahau mempunyai rupa yang berbentuk empat segi dan berbiji-biji. Ada juga yang mengatakan susah untuk melihat rupanya kerana Indahau akan tunduk dan tidak akan menunjukkan mukanya, saat ia menjelma. Dikatakan rambut Indahau berwarna kuning dan melekat pada daun-daun di hutan

Selain itu, Indahau juga mempunyai susu badan yang lebar, selebar seperti nyiur. Lantaran dengan itu, susunya yang lebar itu boleh digunakannya untuk menyembunyikan kanak-kanak. Menurut masyarakat Melayu, Indahau mempunyai siku yang sangat tajam. Ada yang mengatakan bahawa kehadiran Indahau boleh melalui bunyinya. Hantu Indahau juga dikatakan menggalas beg yang dinamakan 'bahai; dalam bahasa Kedayan. Selalunya Indahau akan menyerupai sebagai orang yang dikenali oleh kanak-kanak tersebut.

Makhluk halus ini dipercayai akan membawa kanak-kanak tersebut bersamanya ke tempat tinggalnya iaitu di sebalik pokok yang dikenali sebagai pokok 'bamban'. Kanak-kanak yang disembunyikan itu akan hilang, akan menjumpai kanak-kanak itu berada di kawasan berduri. Hantu Indahau juga boleh dikesan melalui tapak kakinya yang bersaiz pendek di kawasan yang berpaya seperti di

sawah padi.

Hantu Keduwau pula merupakan sejenis makhluk halus yang mempunyai struktur seperti manusia. Akan tetapi, hantu ini sangat berbau busuk seperti bangkai. Hantu Keduwau membela seekor anjing yang berbulu putih, bermata merah, sebesar kucing tetapi menyerupai seakan-akan seekor kucing tetapi menyerupai seakan-akan tikus. Hantu Keduwau biasanya mendiami kawasan hutan. Oleh sebab itu, ramai pemburu haiwan akan terserempak dengan hantu Keduwau semasa berburu di hutan. Walaupun bagaimanapun, hantu Keduwau tidak membahayakan manusia.

Makhluk halus bukan sahaja mengganggu manusia malah pada haiwan. Hantu ayam contohnya, sejenis makhluk halus yang sering mengganggu ayam di reban pada waktu malam. Hantu ayam dipercayai mempunyai struktur seperti manusia, tetapi tidak mempunyai kepala. Hantu ini dipercayai takut kepada cermin kerana takut akan melihat wajah dirinya yang tidak mempunyai kepala. Oleh sebab itu, hantu ayam ini hanya akan memakan kepala ayam sahaja. Hantu ayam adalah salah satu hantu belaan bagi orang yang mengamalkan ilmu hitam.

Kepercayaan terhadap hantu, kini semakin berkurangan seiring dengan pembangunan pesat teknologi moden. Namun, tidak semestinya kepercayaan kepada makhluk halus ini terus terhakis dalam minda masyarakat. Cerita tentang jenis-jenis hantu dalam buku ini bukanlah untuk menggalakkan masyarakat mempercayai kewujudan hantu, tetapi sebagai perkongsian ilmu yang kami gali melalui cerita yang disampaikan oleh generasi terdahulu untuk memberi pendedahan kepada generasi sekarang tentang kekayaan khazanah kesusasteraan tradisional masyarakat kita.



## **BURUNG**

*Ramli Hasan*

*Etnik: Melayu Sarawak*

**R**aung tangis Asyraf bagaikan bergema lantang di ruangan angkasa. Pasti meremang bulu roma sesiapa sahaja yang mendengar tangisan tersebut yang memecah kepekatan gelap malam. Haji Ahmad gelisah tidak menentu melihat cucu sulungnya menangis bagai dirasuk oleh segerombolan makhluk halus yang menyelina masuk ke celah sendi tubuh si kecil itu. Seribu satu macam serapah meniti di bibir lalu dihembus terus ke wajah cucunya namun tidak mendatangkan sebarang kesan. Ini bukan kali pertama perkara ini berlaku malah ia berlaku saban malam sejak Asyraf dilahirkan, ramai dukun telah ditemui namun masih juga belum ketemu yang serasi.

Haji Ahmad terkenang akan perilaku arwah ayahnya

tatkala satu ketika dahulu Ahmad bapa Asyraf yang menangis sedemikian rupa sewaktu baru dilahirkan dahulu. Bingkas Haji Ahmad bangun mencapai parang panjang di belakang pintu lalu turun menetak pucuk-pucuk kayu kecil yang terdapat di sekitar rumahnya seraya berseru.

“Wahai sekalian makhluk yang datang mengganggu cucu aku, jika kalian benar-benar berani, munculkanlah diri di hadapanku nescaya akan kupenggal kepala kalian hingga lumat dengan parangku ini, jika kalian tidak mahu muncul hentikanlah mengganggu cucuku, jangan kau ganggu masa tidurnya.”

Seketika kemudian, raung tangis Asyraf yang bergema dengan lantanginya tadi diganti dengan senyum riang lalu dia pun tidur dengan nyenyaknya sehingga pagi menjelma. Tatkala siang mengundurkan diri dan tirai malam berlabuh, terdengar lagi raungan Asyraf yang begitu nyaring sehingga didengar oleh Haji Ahmad yang berjemaah di masjid berdekatan rumahnya. Bingkas dia bangun lalu pulang memikirkan ikhtiar seterusnya bagi memulihkan cucunya itu. Terlintas di hatinya untuk menghubungi Haji Ali yang juga dikenali dengan panggilan mesra ‘Su Aji’ bekas *merbot* yang amat disegani di kampung itu. Su Aji amat tinggi ilmunya dalam bidang perubatan berkaitan makhluk halus dan alam ghaib. Bersegera Hj Ahmad bangun lalu menuju ke rumah Su Aji lantas membawanya ke rumah untuk melihat kondisi cucunya seterusnya memberi rawatan sewajarnya berdasarkan pengamatannya dari kaca mata seorang dukun.

Seperti kata pepatah orang tua-tua ‘bagai kunyit terkena kapur,’ Asyraf terus tersenyum setelah dihembus dengan mantera yang meniti di bibir Su Aji seketika tadi. “Cucu haji ni dikacau burung ni.” Su Aji menerangkan kepada Hj Ahmad tentang punca sawan tangis yang dihidapi

## Burung

oleh cucunya.

“Burung, aku selalu dengar orang sebut kalau budak-budak menangis ni dikacau burung, tapi apa sebenarnya burung tu Su Aji? Boleh ceritakan? dan boleh tak Su Aji tinggalkan sedikit ilmu atau apa-apa jampi bagi menyembuhkan kanak-kanak yang dikacau burung ni?” Soal Haji Ahmad dengan panjang lebar dan penuh teruja.

“Burung ni sejenis hantu sebenarnya, kalau budak-budak terkena lintasan burung boleh membuat dia menangis tak henti-henti macam Ahmad Al-bab cerita P. Ramlee tu. Aku akan ceritakan kisah asal usul kejadian hantu “burung” ni, sebelum tu ambik pen dan kertas dulu, aku bagi jampi untuk memulihkan budak-budak yang dikacau burung ni, nanti terlupa pulak aku nak bagi”. Haji Ahmad mendengar penerangan Su Aji sambil menyediakan pen dan kertas untuk menyalin jampi. “Ini jampinya Ji, aku baca kau salin ya.” Su Aji pun mula membaca jampi untuk disalin oleh Haji Ahmad.

*Burung kak burung ketitir,*

*Rakyat namanya,*

*Salehan nama bini, Salleh nama laki,*

*Tempurung bulu-bulu,*

*Aku tahu asal burung,*

*Tidak berbulu,*

*Urik temunik Pengiran Pangkor asal mulamu,*

*Mustajab doaku,*

Hantu Belubuk Pokok Ru

*Mustajab di makbul Allah.*

*(Nota : Jampi ini benar-benar wujud dan diamalkan oleh masyarakat Melayu di Kabong)*

\*\*\*\*\*

Selesai Haji Ahmad menulis jampi, Su Aji pun memulakan ceritanya....

\*\*\*\*\*

Pada satu ketika dahulu di kawasan Tebing Tinggi tinggallah sepasang suami isteri di sebuah rumah papan yang usang dimamah usia. Dinyatakan melalui penceritaan nenek moyang kita dahulu bahawa si suami bernama Salleh manakala si isteri pula bernama Salehan.

Asal mula ceritanya dikisahkan bahawa si isteri berasal dari keluarga berada manakala si suami orang kebanyakan sahaja. Mereka bernikah atas dasar suka sama suka namun tidak beroleh restu keluarga. Setelah hari nikahnya kedua laki bini itu, si mertua tidak mahu lagi menganggap Salehan sebagai anaknya lalu dihalau keluar seperti menghalau kucing yang datang meminta simpati mencari makan. Si suami membawa isteri pulang ke rumah pusaka nendanya yang telah usang dan berdekat lama usianya, rupa luarnya seperti tidak layak lagi didiami oleh seorang manusia.

Awal mulanya si suami begitu tekun, rajin dan amat gigih bekerja mencari nafkah untuk isteri tercinta. Hasil tangkapan hariannya sebagai seorang nelayan cukup untuk menampung belanja dapur keduanya di rumah. Salehan merasa terharu dan bertuah dek kerana menikahi lelaki yang sedemikian walaupun tiada iringan restu orang tua.

## Burung

Selang beberapa purnama berganti, ikan-ikan makin berkurang dan tangkapan Salleh pun makin sedikit, ada kalanya seekor ikan pun tiada diperoleh. Hanya jaring kosong diangkat dari laut. Amat berat dugaan ini bagi Salleh, kerana dengan menangkap ikan sahajalah dia dapat menyara isterinya. Hendak berkebun dan bercucuk tanam tidak berdaya kerana tiada bertanah walau cuma sekangkang kera, hanya tapak rumah itulah sahaja tanah warisan pusaka untuknya. Fikiran bertambah buntu kerana memikirkan isterinya yang kini syarat mengandung anak sulung.

Hari berlari, minggu berlalu, bulan berganti namun keadaan laut masih juga sedemikian rupa, walau sudah disemah berkali-kali namun ikan tidak juga muncul tiba ke dalam jaring setiap nelayan yang turun mencarinya. Wang tabungan Salleh dan isteri semakin mengurang kerana asyik diguna tanpa dijana.

Sedang Salleh buntu memikirkan jalan keluar dari belunggu yan melanda, ternampak olehnya sekumpulan belia asyik dan leka berkumpul mengelilingi sebuah meja. Dilihatnya perbuatan para belia itu lalu amat teruja dan tertarik hatinya untuk turut serta bersama mereka kerana dilihatnya hanya dari situlah dia dapat menambah wang simpanannya untuk diguna menyara keluarga dan persiapan menanti kelahiran anak pertama. Salleh pun mula jinak dalam judi dan mengikut jejak kaki judi di sekelilingnya.

Kuasa judi begitu hebat sekali atas dirinya hingga membuatkan dia lupa tanggungjawab sebagai seorang suami dan bakal bapa. Walaupun musim landas kini sudah berlalu dan keadaan di laut pulih seperti sediakala namun Saleh tetap juga enggan ke laut dan leka dengan tabiat judinya. Salehan yang sarat mengandung anak sulung teramat bingung melihat perubahan yang terjadi kepada suaminya,